



SIARAN MEDIA

MEDIA RELEASE

INDEKS PERDAGANGAN BARANGAN ANTARABANGSA SUKU TAHUN KEDUA 2022

*INTERNATIONAL MERCHANDISE TRADE INDEX
SECOND QUARTER 2022*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**INDEKS PERDAGANGAN BARANGAN ANTARABANGSA SUKU KEDUA 2022
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**HARGA BARANGAN DI PASARAN DUNIA YANG MENINGKAT TERUS MEMBAWA
PENINGKATAN INDEKS NILAI UNIT EKSPORT PADA SUKU TAHUN KEDUA 2022**

1. Indeks Perdagangan Barangan Antarabangsa mengukur perubahan tahap nilai unit dan volum barangan eksport dan import antara Negara Brunei Darussalam dan rakan perdagangan di seluruh dunia dan dapat membantu penggubal dasar bagi menilai faktor-faktor yang menyumbang kepada prestasi perdagangan negara.
2. Terma perdagangan bagi negara telah mencatatkan peningkatan sebanyak 62.8 peratus pada Q2 2022 berbanding Q2 2021, terutamanya didorong oleh pertumbuhan indeks Bahan-Bahan Mentah Tidak Boleh Dimakan sebanyak 66.0 peratus. Pertumbuhan terma perdagangan ini mencerminkan bahawa nilai unit barangan eksport negara adalah lebih tinggi berbanding dengan nilai unit barangan import. Terma perdagangan adalah ukuran kuasa beli eksport dan import Negara Brunei Darussalam ke luar negara dan dari luar negara.
3. Jumlah eksport meningkat sebanyak 61.2 peratus pada Q2 2022 berbanding Q2 2021, iaitu daripada BND3,261.9 juta pada Q2 2021 kepada BND5,258.0 juta pada Q2 2022. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh kenaikan indeks nilai unit eksport sebanyak 63.0 peratus, yang terutamanya disumbangkan oleh peningkatan indeks Bahan-Bahan Mentah Tidak Boleh Dimakan (+68.0 peratus), Bahan Api Galian (+65.4 peratus) dan Bahan Kimia (+41.8 peratus). Kenaikan harga produk-produk tersebut di pasaran dunia adalah diantara faktor utama kepada peningkatan indeks nilai eksport bagi Q2 2022;

4. Indeks volum eksport pula mencatatkan penurunan sebanyak 23.0 peratus berbanding Q2 2021 yang mana disumbangkan oleh penurunan indeks volum eksport Bahan Api Galian (-24.6 peratus) berikutan penurunan pengeluaran gas asli; dan pembuatan produk petroleum dan bahan berkaitan.
5. Jumlah nilai import pada Q2 2022 meningkat sebanyak 59.9 peratus berbanding Q2 2021 yang mana disebabkan oleh kenaikan indeks nilai unit import dan indeks volum import masing-masing sebanyak 0.2 dan 8.1 peratus. Peningkatan indeks nilai unit import ini adalah terutamanya disumbangkan oleh indeks Bahan Api Galian (+52.8 peratus), Bahan-Bahan Kimia (+30.6 peratus) dan Minyak dan Lemak Binatang dan Sayur-Sayuran (+19.5 peratus).
6. Manakala, kenaikan indeks volum import adalah disumbangkan oleh peningkatan indeks volum import Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan (+29.5 peratus), Pelbagai Barang Keluaran Kilang (+12.0 peratus) dan Makanan (+3.1 peratus).
7. Indeks Perdagangan Barangan Antarabangsa (IMTI) menunjukkan tren nilai unit dan kuantiti komoditi import dan eksport di Negara Brunei Darussalam dalam tempoh tertentu. Indeks ini juga boleh digunakan dalam menganalisa daya saing negara, mengukur dan membuat unjuran inflasi dan penyusunan akaun negara. Laporan penuh Indeks Perdagangan Barangan Antarabangsa bagi suku tahun kedua 2022 boleh didapati melalui laman sesawang JPES: <https://deps.mofe.gov.bn/>



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

INTERNATIONAL MERCHANDISE TRADE INDEX Q2 2022
BRUNEI DARUSSALAM

HIGHER COMMODITIES PRICES IN WORLD MARKETS CONTINUE TO HEIGHTEN EXPORTS UNIT VALUE INDEX IN THE SECOND QUARTER OF 2022

1. *The International Merchandise Trade Index measures the changes in the levels of unit values and volume of merchandise exports and imports between Brunei Darussalam and trading partners in order to assess the factors contributing to the country's trade performance.*
2. *The terms of trade registered an increase of 62.8 per cent in Q2 2022 compared to Q2 2021, which mainly contributed by the growth of Crude Materials Inedible index at 66.0 per cent. The increase in the term of trade reflected that the unit value of exported goods was higher compared to the unit of imported goods. Terms of trade is a measure of the purchasing power of Brunei Darussalam's exports and imports to and from abroad.*
3. *Total exports increased by 61.2 per cent in Q2 2022 compared to Q2 2021, which was from BND3,261.9 million to BND5,258.0 million. This increase was due to a rise in the exports unit value index by 63.0 per cent, which was contributed by Crude Materials Inedible (+68.0 per cent), Mineral Fuels (+65.4 per cent), and Chemicals (+41.8 per cent). Rising prices of these commodities in the world market was the key driving force towards the increase in exports unit value index.*

4. *The exports volume index fell by 23.0 per cent compared to Q2 2021, contributed by the decline in the exports volume index of Mineral Fuels (-24.6 per cent), which consists of natural gas and manufactured; petroleum products and related materials.*
5. *The total imports in Q2 2022 also increased by 59.9 per cent compared to the Q2 2021 due to the rise in the imports unit value index and the imports volume index by 0.2 per cent and 8.1 per cent, respectively. The rise in the imports unit value index was mainly contributed by Mineral Fuels (+52.8 per cent), Chemicals (+30.6 per cent) and Animal and Vegetables Oils and Fats (+19.5 per cent).*
6. *Meanwhile, the increase in the imports volume index was attributed by an increase in the imports volume index of Machinery and Transport Equipments (+29.5 per cent); Miscellaneous Manufactured Articles (+12.0 per cent); and Food (+3.1 per cent).*
7. *International Merchandise Trade Index (IMTI) reflects the trends of unit value and quantity of import and export commodities in Brunei Darussalam within a certain period of time. The index can also be used in the analysis of competitiveness, measurement and forecasting of inflation and compilation of national accounts. The full report of International Merchandise Trade Index second quarter 2022 is available from DEPS's website at <https://deps.mofe.gov.bn/>*